

**BADANGAN SANAK DALAM  
SYAIR NASIHAT  
NUKILAN SULTAN HAJI OMAR  
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL  
KHAIRI WADDIEN, SULTAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-28**

*(Badangan Sanak in the Syair Nasihat of Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the 28th Sultan of Negara Brunei Darussalam)*

*Muhamad Fadzllah Hj. Zaini*  
muhamadfadzllahhjzaini@gmail.com

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor.

*Aini Hj. Karim*  
aini.karim@ubd.edu.bn

Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Brunei Darussalam,  
Negara Brunei Darussalam.

**Abstrak**

Sistem panggilan merupakan salah satu komponen penting dalam konsep badangan sanak. Konsep ini menjelaskan hubungan atau pertalian darah dalam keluarga Melayu di Brunei Darussalam yang berpaksikan Melayu Islam Beraja (MIB). Kajian ini akan mengenal pasti cara sistem panggilan digunakan dalam merapatkan hubungan dan mengukuhkan nilai kekeluargaan masyarakat Melayu Islam di

Brunei. Dengan adanya konsep badangan sanak ini aspek kekeluargaan diteliti menerusi sikap, kehormatan dan kemuliaan manusia seterusnya menjaga salasilah keturunan. Butiran leksikal yang dianalisis dan diteliti dalam kajian ini merupakan sistem panggilan yang terkandung dalam konsep badangan sanak dalam data sastra *Syair Nasihat* hasil nukilan Muda Omar 'Ali Saifuddien, Sultan Brunei ke-28. Kajian ini menunjukkan sikap kekeluargaan yang dipupuk pada peringkat pemerintahan sehingga melahirkan pengajaran kepada rakyat. Secara langsung, memperkukuh sistem keluarga dan masyarakat yang menjadi teras kekuatan dan kelangsungan Melayu Islam Beraja.

Kata kunci: sistem panggilan, badangan sanak, *Syair Nasihat*, Melayu Islam Beraja

### ***Abstract***

*Badangan sanak is a system of forms of address among Malay families under the Malay-Islamic monarchical system of Brunei Darussalam. This study is concerned with identifying the extent to which the forms of address play a role in strengthening familial ties within the Muslim Malay community of Brunei. The badangan sanak system has some relation to the preservation of family reputation in the extended family. The lexical items analysed and examined in this study are forms of address from the badangan sanak system as extracted from the Syair Nasihat written by Muda Omar 'Ali Saifuddien, the 28th Sultan of Brunei. This study reveals the familial attitudes promoted by the monarchy and how these have left an imprint in the lives of commoners. This system ensures continued strong family ties and societal bonds that lie at the heart of the Malay-Islamic monarchical system.*

*Keywords: Forms of address, badangan sanak, Syair Nasihat, Malay-Islamic Monarchy*

## **PENDAHULUAN**

Raja Ali Haji<sup>1</sup> pernah menyatakan bahawa “Tiliklah edaran dunianya, zaman dahulu bagaimana khabarnya, zaman sekarang apa rupanya, berlain-lain ilmu kepandaiannya”. Kenyataan ini merupakan kunci terhadap dimensi alam Melayu yang mempunyai pelbagai khazanah dan ilmuwan yang masih banyak belum diterokai. Negara Brunei Darussalam merupakan antara kelompok kepulauan Melayu yang masih mengamalkan

sistem beraja. Tonggak utama negara Brunei ialah kekuatan kuasa raja sebagai ketua negara dan pemimpin agama. Negara Brunei Darussalam mempunyai landasan tersendiri dalam pembentukan negara bangsa, iaitu falsafah Melayu Islam Beraja. Sistem ini memerikan konsep masyarakat, kepimpinan dan agama yang diketengahkan sejak berabad lama.

Oleh hal yang demikian, wujudlah satu kelompok masyarakat Melayu yang menggunakan bahasa Melayu, mengamalkan sistem panggilan yang unik dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei dan melestarikan adat budaya Melayu serta beragama Islam. Konsep pemimpin juga digarap dalam keluarga Melayu, iaitu terdapat ketua keluarga dalam ahli keluarga. Kajian ini meneliti konsep badangan sanak dari segi sistem panggilan. Penerokaan kajian ini menggunakan teks *Syair Nasihat* (2014) sebagai data kajian. Badangan sanak merupakan salah satu istilah dialek Melayu Brunei yang memerikan konsep hubungan kekeluargaan dan pertalian darah. Apabila mengungkapkan konsep ini, gambaran terhadap pembentukan dan pengukuhan jelas kerana pertalian atau ikatan sememangnya wujud sebagai satu keluarga. Syair ini memberikan gambaran komunikasi secara tidak langsung daripada penulis, iaitu Muda Omar 'Ali Saifuddin (MOAS), iaitu Sultan Brunei ke-28 kepada anakanda putera puteri seterusnya kerabat dan masyarakat. Komunikasi yang diterapkan terasul pada setiap penyampaian bait syair ini. Oleh itu, terdapat beberapa penggunaan sistem panggilan yang terdapat dalam syair ini berdasarkan latar belakang budaya, persekitaran dan pengalaman secara tidak langsung.

Kajian ini bertujuan meneliti dan menganalisis sistem panggilan dengan garapan konsep badangan sanak, iaitu konsep kekeluargaan Melayu Brunei yang tampak jelas dalam penyampaian *Syair Nasihat*. Konsep ini memerikan hubungan kekeluargaan dan pertalian darah tidak dapat memisahkan kuasa dan pangkat, sebaliknya mengeratkan hubungan bagi pengukuhan sesebuah negara yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja. Di samping itu, kajian ini merupakan titik tolak daripada kajian pemikiran MOAS oleh Hj. Kasim (2009) tentang kata ganti nama, namun diolah semula berpandukan konsep badangan sanak telitian terhadap sistem panggilan.

## **SISTEM PANGGILAN DIMENSI BADANGAN SANAK**

Badangan sanak membentuk sistem panggilan yang unik dalam kalangan ahli keluarga dan anggota masyarakat. Konsep ini menganjurkan sikap saling menghormati antara ahli keluarga. Hal ini dibuktikan oleh Nazwan

(2012) yang menyatakan konsep badangan sanak memperlihatkan ketinggian nilai budaya Melayu dalam pembentukan keperibadian akhlak seperti berawar galat, hormat-menghormati, pemaaf dan sebagainya. Gambaran ini menunjukkan bahawa konsep ini wajar menjadi idea budaya dalam perkembangan alam Melayu bagi mendidik masyarakatnya terhadap nilai kesantunan. Sikap sedemikian mampu dipertahankan sebagai lapisan utama kesedaran untuk generasi akan datang.

Di samping itu, konsep badangan sanak diwujudkan bagi memupuk sifat menghormati orang yang lebih tua. Kesemua nilai baik yang ditonjolkan berdasarkan sikap masyarakat disatukan menjadi kesantunan. Kesantunan merujuk perlakuan atau perbuatan yang santun termasuk penggunaan sistem panggilan mengikut pangkat dan umur. Pangkat dan umur diukur dengan sistem panggilan yang dapat memberikan kesan positif terhadap hubungan antara orang tua dengan orang muda dalam satu keluarga yang menjadi asas masyarakat. Sistem ini diteruskan supaya kemasukan budaya lain tidak mengguris budaya Melayu Brunei. Setelah dianalisis, dapat dikenal pasti bahawa terdapat tiga item sistem panggilan daripada *Syair Nasihat*. Asmah (2009), telah mengklasifikasikan kata ganti nama kepada tiga, iaitu kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga. Namun, dalam analisis dapatan yang dibuat, pengkaji mengklasifikasikan sistem panggilan kepada tiga bahagian, iaitu generasi pertama, generasi kedua dan generasi ketiga. Menurut adat istiadat diraja Brunei (2002:531), keseluruhan panggilan bagi sapaan orang ketiga pihak diraja, jika penyapa itu golongan diraja, akan disebut ayahnda, bonda, anakda, kakanda, adinda, cucunda, nenda, dan sebagainya. Penggunaan sapaan sedemikian merujuk tarafkeluarga, umur atau kedudukan antara penyapa dengan pesapa. Selaku penulis *Syair Nasihat*, MOAS diklasifikasikan sebagai generasi kedua kerana pengalaman dan teladan kemanusiaan yang diperikan dalam bait syair ini merangkumi kisah dahulu, sekarang dan seterusnya masa depan (Haji Kasim, 2009). Nasihat yang diberikan menggambarkan kewujudan orang terdahulu dan tindakan sekarang yang perlu diperjuangkan.

### **Generasi Pertama: Moyanganda dan Nenda**

Generasi pertama merujuk orang terdahulu daripada generasi kedua. Selalunya gambaran generasi pertama ditujukan kepada orang tua yang banyak pengalaman seperti nenek, atuk, moyang, dan seumpamanya. Berdasarkan analisis, terdapat penggunaan nenda marhum,



**Rajah 1** Konsep badangan sanak.


moyangandamu, dan nenengku yang menunjukkan salasilah keturunan terdahulu sebelum MOAS. Nenda Marhum merujuk ayahanda MOAS, manakala *moyangandamu* dan *nenengku* merujuk *nenekanda* MOAS, seperti dalam dua bait syair berikut:

Tatkala *nenda marhum* yang lindung  
 Sanak saudara berayun punggung  
 Ke sini sana tiada ringgung  
 Umpama rumah mempunyai sokong (hlm. 6)


Tuntutlah ilmu *moyangandamu* tuan  
 Raja yang mempunyai banyak pengalaman  
 Raja yang berani lagi budiman  
 Pernah berperang jadi pahlawan (hlm. 17)

O *nenengku* bubuk  
 Berbaju putung lengan  
 Sadang kami disubuk  
 Kami sudah berdangan (hlm. 23)

MOAS memerikan nasihat yang berkenaan dengan ilmu dan pengalaman yang diperoleh daripada keturunannya secara turun-temurun. Rujukan kepada orang terdahulu dan terasul yang disebut memberikan penjelasan kepada anakanda MOAS, iaitu panggilan *nenda marhum*, *moyanganda* dan *nenengku*. Konsep badangan sanak menunjukkan nilai hormat terhadap rujukan raja atau pemerintah dahulu yang menzahirkan sifat keilmuan, budiman dan berani. Bait syair juga mencerminkan badangan sanak, dengan adanya nilai kekeluargaan yang sentiasa kukuh dan menyokong. Konsep badangan sanak sedemikian memberikan



**Rajah 2** Analisis sistem panggilan mengikut bait syair nasihat.



**Rajah 3** Keselarian sistem panggilan.

gambaran terhadap harapan yang disandarkan kepada generasi akan datang melalui bait syair. Penceritaan bait syair bukan sahaja menunjukkan sistem panggilan, namun pengalaman, galakan dan kesatuan dalam bersaudara. Hal ini bertepatan dengan ungkapan Melayu yang menyatakan orang dahulu banyak makan garam daripada sekarang yang memberikan gambaran pengalaman yang dikutip melalui segala dugaan, usaha dan pandangan dunia. Rajah yang berikut merupakan aliran yang diperikan bagi *nenda*, *moyanganda*, dan *nenengku*.

Rajah 1 menunjukkan aliran sistem panggilan mengikut pangkat dalam keluarga. Menurut *Kamus Bahasa Melayu Brunei* (2007), *muyang* atau *moyang* ialah bapa datu atau ibu datu (dalam terminologi susunan keluarga seperti anak>indung>nini>datu>muyang>antah>giling). *Nenda* atau *nini* ialah orang tua emak atau ayah. Jika dilihat masyarakat Brunei, susunan sistem panggilan secara umum adalah seperti anak>indung>nini>datu>muyang>antah>giling. Namun, bagi bait syair ini rujukan *moyanganda* dan *nenengku* merangkumi kesemua silah keturunan diraja yang terdahulu menjadi teladan kepada anakanda MOAS. Rajah 3 merupakan rangkuman mengikut skala susur galur masyarakat Melayu Brunei dan diklasifikasikan sebagai bait *Syair Nasihat*.

Rajah 3 menunjukkan dapatan terhadap dua bait nasihat yang dianalisis bagi generasi pertama dan diklasifikasikan mengikut kelompok sistem panggilan. Bagi *moyanganda* dan *nenengku* merujuk muyang>antah>giling dan seterusnya waris Diraja atau Sultan terdahulu, manakala *nenda*

merujuk nini>datu. Generasi pertama ini secara umumnya merujuk generasi terdahulu, iaitu asal usul sebelum adanya generasi kedua. Sistem panggilan yang diterapkan dalam bait syair ini bukan sahaja memberikan penekanan kepada perseorangan, namun merujuk generasi terdahulu yang telah memberikan pengalaman dan berjuang untuk generasi akan datang. Menurut Awang Haji Abdul Latif (2004), konsep Melayu Islam Diraja ini merupakan pemurnian Kesultanan Melayu Islam yang telah lama dijadikan falsafah Negara Brunei Darussalam. Terapan ini menyentuh cara hidup Islam, budaya Melayu dan pemerintahan secara beraja. Kesenambungan budaya ini secara terus digarap daripada satu generasi kepada generasi berikutnya Kesultanan Melayu Brunei. *Syair Nasihat* ini juga disampaikan oleh MOAS kepada anakanda supaya menjadi rujukan dan teladan daripada *moyanganda* serta *nenda*.

### **Generasi Kedua: Ayahanda**

Generasi kedua pula merujuk penulis, iaitu MOAS kerana baginda berperanan menyampaikan nasihat yang berupa suruhan, perihal orang terdahulu dan tindakan yang perlu dilakukan oleh anakanda MOAS. Menurut Hj. Kasim (2009), kebanyakan karya MOAS ditulis ketika baginda memerintah menjadi raja. Segala pengalaman dicatatkan dan digambarkan dalam syair ini.

Berdasarkan sistem panggilan yang digunakan menunjukkan konsep badangan sanak ialah *yatim*, *ayahanda yatim nestapa*, *dagang*, *ayah*, dan *ayahanda*. Hj. Kasim (2009:38) menyatakan penulis akan menggunakan panggilan yang bersifat merendah diri seperti dalam bait *Syair Nasihat* ini, iaitu *yatim*, *dagang*, dan *hamba* yang merupakan ciri kesantunan. Oleh itu, konsep badangan sanak juga menerapkan nilai kesantunan yang selari dengan tatacara kehidupan orang Melayu.

Madah gubahan *yatim yang lara*  
*Yatim berjaya nama tertera*  
Tiada ada sanak saudara  
Dengan berunding atau bicara (hlm. 1)

*Dagang* berdo'a kepada Allah  
Memohon rahmat nikmat dilimpah  
Kepada semua muda yang petah  
Membuat kerja yang berfaedah (hlm. 30)

Nasib *ayahanda yatim nestapa*  
Ilmu di badan tiada berapa  
Duduk tiada beribu bapa  
Menunggukan tegur ataupun sapa (hlm.6)

Diberkati Tuhan Maha kuasa  
Kepada *hamba*-Nya yang berjasa  
Yang berkebijakan senantiasa  
Kepada sekalian hina berbangsa (hlm. 30)


Muda berbangsa cahayanya Ayah  
Berlemah gemalai menghemburkan madah  
Semakin berbangsa semakin merendah  
Buatkan amalan jangan bersudah (hlm. 2)

Berdasarkan data yang dianalisis, terdapat penggunaan sistem panggilan *yatim yang lara, yatim, dagang* dan *hamba*. Perkataan *yatim yang lara* atau *yatim* merujuk makna seseorang yang tiada ibu bapa, hanya berseorangan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013). Konteks syair ini menjelaskan secara umum mengikut pemakaian sistem panggilan. Apabila MOAS menggunakan *yatim yang lara* atau *yatim*, penggunaan nilai kerendahan hati itu bagi menarik perhatian pembaca. Hal ini disokong dengan kenyataan Leech (1983), kesantunan dalam berbahasa ialah perlakuan yang mewujudkan dan mengekalkan pengiktirafan diri dalam sesuatu interaksi sosial. Oleh itu, MOAS meletakkan kerendahan hati sebagai kesantunan yang digunakan untuk menyampaikan pesanan.

Seterusnya, *dagang* dan *hamba* merujuk nilai kerendahan diri yang diguna pakai sebagai panggilan terhadap diri MOAS. MOAS telah menggunakan panggilan tersebut pada kebanyakan konteks keagamaan. *Dagang* dan *hamba* merujuk seseorang manusia atau makhluk yang sedang menjalani kehidupan dan menjadikan agama Islam sebagai landasan utama. Secara harfiahnya *dagang* merujuk penjual barang, namun perspektif badangan sanak merujuk panggilan kepada seorang insan yang lemah dan tidak mampu melawan takdir diselarikan juga dengan panggilan. Dalam konteks agama, *hamba* merujuk hamba Allah SWT. yang menunjukkan kedudukan antara Tuhan dengan manusia (*Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua*, 2007).

Berdasarkan Rajah 4, kerendahan hati terangkum dalam badangan sanak yang memerikan sikap kesopanan dan kesantunan dalam ujaran






**Rajah 4** Sistem panggilan kerendahan hati.

MOAS. Kesemua sistem panggilan tersebut disasarkan kepada kerendahan hati MOAS. Secara tidak langsung tampak badangan sanak digunakan sepenuhnya untuk menjaga ikatan atau hubungan keluarga termasuk saudara dan rakyat jelata.

Seterusnya, penggunaan sistem panggilan *ayahanda* dan *ayah* merujuk nilai kasih sayang yang digarap dalam badangan sanak yang disampaikan melalui bait syair ini. Secara umumnya, leksikal *ayah* atau *ayahanda* ini merujuk panggilan buat anak-anak atau pun sebagai panggilan bagi golongan tua walaupun tiada pertalian darah. Penggunaan panggilan ini menyetengahkan nilai perkongsian kasih sayang daripada seorang bapa diturunkan kepada anak-anak walaupun bukan anak kandung. Analisis data syair di atas, menyetengahkan penggunaan panggilan *ayah* dan *ayahanda* melalui nilai kasih sayang terhadap anak. Baginda amat menyayangi putera puterinya dan menyampaikan pesanan dan nasihat melalui syair ini. Dalam konteks ini nilai hubungan antara anak dengan bapa atau ayah jelas menunjukkan pertalian darah yang mewujudkan kasih sayang dengan teguran serta nasihat. Yura Halim (2006) menyatakan bahawa wujud penggunaan *ayahanda* sebagai adat mengulum bahasa, panggilan ini digunakan bukan melihat kepada hubungan keluarga diraja, sebaliknya menunjukkan taraf umur antara pegawai diraja. Secara konseptual perkataan *ayahanda* juga digunakan berdasarkan umur, diselarikan dengan sistem kekeluargaan yang memperlihatkan bahawa *ayahanda* sebagai ketua keluarga dan menjaga setiap ahli (isteri dan anak-anak). Konsep badangan sanak yang dijelaskan memperlihatkan sikap hormat yang ditonjolkan oleh MOAS melalui *Syair Nasihat* yang memberikan impak positif.



**Rajah 5** Sistem panggilan “menghormati”.

Rajah 5 ialah sistem panggilan *ayahanda* dan *ayah* yang menunjukkan sikap hormat dalam kesantunan melalui badangan sanak. Berdasarkan Rajah 5, dapat ditunjukkan bahawa sikap hormat dalam sistem panggilan merupakan teras kepada hubungan *ayahanda* atau *ayah* dengan anak. *Ayahanda* sebagai ketua keluarga yang meliputi ciri pemerintah, pada masa yang sama memimpin keluarga dan negara. Konsep badangan sanak menunjukkan bahawa teras hubungan ini ialah hormat. Penggunaan sistem panggilan ini memberikan gambaran yang jelas kepada konsep badangan sanak.

### **Generasi Ketiga: Waris atau Anakanda**

*Anakanda*, *anak* atau *gahara* diertikan sebagai pewaris atau baka yang diturunkan oleh ibu bapa merujuk konteks diraja (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013). Di samping itu, terdapat tafsiran lain melihat kepada pangkat atau status seperti kakitangan, anggota (kumpulan kerja) atau golongan muda (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013). Kebanyakan leksikal *anak* ini mempunyai makna tersendiri dan dibezakan maksudnya merujuk peribahasa Melayu. Yang berikut ialah dapatan anak yang diperikan dalam syair ini (sila lihat Jadual 1).

Berdasarkan analisis terhadap syair ini, terdapat 23 ungkapan yang menunjukkan sistem panggilan terhadap generasi ketiga. Pembahagian kepada tiga perkara diklasifikasikan sebagai panggilan anak, pangkat dan interpretasi objek. MOAS telah memerikan beberapa penggunaan sistem panggilan yang menzahirkan nilai kasih sayang secara umum. Analisis dibuat berbantuan konteks, maksud tersirat dan tersurat, dan gambaran penutur. Kesantunan yang diperikan menonjolkan dan memaksimumkan

**Jadual 1** Dapatan analisis sistem panggilan anakanda atau anak.

<b>Bil.</b>	<b>Item</b>	<b>Maksud</b>
Panggilan Anak		
1.	Anakanda muda jauhari	Cerdik pandai
2.	Anakanda emas tempawan	Dikasihi
3.	Anakanda muda teruna	Anak lelaki
4.	Anakanda malai suntingan	Dikasihi
5.	Anakanda cahayanya ayahanda	Penyeri atau penyuluh
6.	Anakanda muda rupawan	Anak perempuan yang cantik
7.	Anakku muda sempurna	Tiada kekurangan
8.	Anakanda muda budiman	Anak berakal, bijaksana dan berbudi
9.	Malaiku muda jauhari	Cerdik yang dikasihi
10.	Pakulun emas tempawan	Dikasihi
11.	Cahaya mata	Anak
12.	Pakulun muda	Dikasihi
13.	Ingsun	Kesayangan
14.	Muda tempawan emas pakulun	Anak lelaki yang dikasihi
15.	Muda	Anak lelaki
16.	Muda remaja lagi pahlawan	Anak lelaki yang gagah dan berani
Pangkat		
1.	Awangku Muda yang sedar	Pengiran Muda
2.	Delapan bersaudara emas kencana	Putera dan Puteri: 8 orang adik beradik
Interpretasi Objek		
1.	<b>Gemala</b> ayahanda <b>emas</b> tempawan	Kesayangan yang sangat dikasihi
2.	<b>Intan</b>	Kesayangan Putera dan puteri (berharga)
3.	Malaiku <b>intan</b>	Kesayangan yang berharga
4.	<b>Emasku</b> malai suntingan	Dikasihi dan Berharga (bernilai)
5.	<b>Permata Nilam</b>	Kesayangan yang berharga

nilai panggilan tersebut. Terdapat beberapa panggilan diangkat sebagai perambahan yang memberikan maksud kasih sayang dan kecantikan seperti *emas tempawan* (amas tempawan), *malai suntingan*, *muda rupawan*, *cahaya mata*, dan seumpamanya (*Perambahan Brunei*, 2013). Penggunaan sifat juga diperikan dalam syair ini, sebagai contoh muda dan teruna. Selain itu, dalam dialek Brunei kata seperti *alai* (*malai*), *ingsun* dan *pakulun* merujuk nama timang-timangan yang tersisip bersamanya nilai kasih sayang.

Di samping itu, panggilan pangkat seperti *awangku muda* dan *delapan bersaudara emas kencana* yang merujuk anakanda putera dan puteri baginda. Dalam *Adat Istiadat Diraja Brunei* (2002), dinyatakan bahawa panggilan *awangku* merupakan kata ganti nama diri kedua atau ketiga khas buat keluarga diraja yang gahara atau pengiran peranakan yang gahara. *Awangku Muda* merujuk Pengiran Muda yang merupakan anak pertama MOAS, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam. Delapan bersaudara merujuk lapan orang anakanda MOAS:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei Yang Ke-29.
2. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah.
3. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.
4. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.
5. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.
6. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.
7. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Umi Kalthum Al-Islam.
8. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakiah.

Keseluruhan anakanda MOAS sepuluh orang, kemungkinan semasa penulisan syair ini, dua orang lagi anakanda MOAS belum diputerakan lagi. Kesemua anakanda MOAS merupakan harapan dan harta dunia akhirat yang sangat ternilai bagi seorang pemimpin sama ada keluarga atau rakyat jelata. MOAS merupakan pemimpin yang menyisipkan tatacara kehidupan menerusi Melayu Islam Beraja. Pemerintahan negara turut menjadi tulang belakang keluarga. Pemikiran, budaya dan landasan semuanya terangkum di bawah falsafah Melayu Islam Beraja atau dahulunya Kesultanan Melayu Islam.

Seterusnya, interpretasi objek digunakan dalam sistem panggilan seperti *malaiku intan*, *intan*, *gemala ayahanda*, *emasku malai suntingan*, *permata nilam* dan *emas tempawan*. Interpretasi ini memerikan penilaian yang tinggi MOAS terhadap anakanda putera dan puterinya. Penilaian sedemikian digunakan sebagai ukuran kasih sayang yang diserlahkan dalam bait syair ini. Kesemua objek yang digunakan merujuk jenis batu yang sangat bernilai, yang menunjukkan nilai kasih sayang yang tidak terhingga. Keadaan ini jelas memperlihatkan bahawa hubungan atau ikatan kasih yang teguh dan erat seorang ayah terhadap anak-anaknya. Seperti pepatah Melayu “kasih ibu bawa ke syurga, kasih ayah sepanjang masa”.

## HUBUNGAN ANTARA KERABAT

Konsep badangan sanak bertepatan dengan ajaran Islam yang menggalakkan masyarakat menjalinkan ikatan persaudaraan dengan sesama muslim tanpa membezakan bangsa, bahasa dan warna kulit (Nazwan, 2012). Galakan ini sebenarnya menunjukkan nilai perpaduan antara masyarakat khususnya dalam kalangan kerabat. Pepatah Melayu mengungkapkan “kalau cubit paha kanan maka paha kiri pun turut terasa”. Oleh itu, dalam syair ini memperlihatkan hubungan sesama kerabat yang digunakan oleh MOAS. *Syair Nasihat* ini juga disisipkan pesanan buat kerabat. Terdapat beberapa sistem panggilan yang digunakan dalam memperlihatkan hubungan kerabat, iaitu:

Wahai *saudara yang sepancir*  
Sekalian *kerabat yang sama sipir*  
*Sahabat handai yang sefikir*  
Jangan disangka dagang menyindir (hlm. 21)


Bang inambang  
Terlayu-layu utar  
Utar apui-apui  
*O anindann*  
Tebuat mata tidan  
Tahan bungkus (hlm. 25)

*Sanak saudara yang seumpamanya*  
Membuat ibadat sepanjang hayatnya  
Mereka dimasukkan bersama-samanya  
Tidak dipilih apa martabatnya (hlm. 9)

O nenengku bubuk  
Berbaju puntung lengan  
Sadang kami disubuk  
Kami sudah *berdangan* (hlm. 23)

Berdasarkan bait syair diatas, penggunaan panggilan sanak saudara dilihat secara umum, kadangkala wujud pertalian darah atau saudara seagama. *Saudara yang sepancir* adalah untuk merujuk hubungan asal mengikut keturunan, salasilah yang memfokuskan raja-raja Brunei (*Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua*, 2007). Perihal ini adalah sama dengan panggilan *sanak saudara yang seumpamanya*. Seterusnya, terdapat penggunaan dialek Brunei, iaitu *anindann* yang membawa erti wahai sekalian saudara (*Syair Nasihat*, 2014). Perkataan ini ini digunakan oleh masyarakat Brunei, malah rangkap tersebut merupakan lagu rakyat yang disisipkan dalam bait syair ini. Walaupun tampak mudah, tetapi bagi generasi sekarang masih ramai yang tidak mengetahuinya. Selain itu, terdapat penggunaan panggilan *dangan* bererti berkawan atau kawan (*Syair Nasihat*, 2014). Oleh itu, syair ini memperlihatkan hubungan antara kerabat. MOAS secara tidak langsung mewujudkan konsep badangan sanak yang memerikan penilaian dan kepentingan terhadap hubungan kekeluargaan.

Sekilas, panggilan keluarga seperti *tua*, *pabasar*, *tangah* atau *angah*, *paua* atau *uda*, *acai*, *iring*, *padamit* atau *amit*, *uncu*, *bungsu*, *paaji*, *liau* dan *seumpamanya* juga disenaraikan dalam sistem panggilan untuk kekeluargaan (Nizam, 2012). Maklumat ini sebagai tambahan kerana sistem panggilan sedemikian berkaitan rapat dengan badangan sanak.



Rajah 6 Konsep badangan sanak *Syair Nasihat*.

## BADANGAN SANAK

Konsep badangan sanak dalam syair ini telah memerikan hubungan dan ikatan kekeluargaan yang merangkumi kesantunan dan nilai kekeluargaan. Rajah 6 ialah konsep badangan sanak bagi *Syair Nasihat*.

Berdasarkan Rajah 6 konsep badangan sanak digarapkan dalam satu ikatan atau pertalian kekeluargaan yang telah memfokuskan generasi pertama, kedua dan ketiga turut, disertakan dengan hubungan kerabat. Konsep ini menjelaskan nilai kekeluargaan yang terangkum dalam satu rajah. Nilai hormat dan kasih sayang ini diperikan bagi membentuk hubungan dalam kekeluargaan. Kesantunan yang menunjukkan sikap kerendahan diri MOAS telah mengajar merapatkan ukhwah antara kerabat. Definisi keluarga merupakan tafsiran yang luas dan besar sehingga mengukuhkan falsafah Melayu Islam Beraja. Islam menekankan kehidupan yang menjaga hubungan antara sesama manusia pada peringkat keluarga hinggalah peringkat pemerintahan tertinggi.

## KESIMPULAN

MOAS merupakan penyair diraja yang mempunyai daya fikir yang tinggi serta olahan bahasa yang menarik dan mampu menarik minat pembaca dengan bahasa yang indah serta tinggi nilainya. Baginda menulis syair berdasarkan pengalaman, kognitif dan budaya Islam Melayu. *Syair Nasihat* konsep badangan sanak menghubungkan tiga generasi. Generasi pertama, iaitu *moyanganda* dan *nenda* yang menghubungkan kepada generasi kedua, iaitu *ayahanda* dan kemudian generasi ketiga, iaitu *waris* atau *anakanda*. Dapatan ini disusun mengikut urutan pertama-kedua-ketiga. Pemerihal hubungan antara kerabat menjelaskan ikatan yang kukuh dalam keluarga diraja ini. Dapatan ini menunjukkan bentuk asas keluarga atau kerabat yang diikat dengan nilai hormat dan kasih sayang dan kesantunan menerusi konsep badangan sanak yang ditampilkan dalam *Syair Nasihat*. Tugas seorang ketua keluarga memastikan pengajaran dan pembelajaran kepada anak-anaknya dari rumah atau istana saling melengkapi, yang kadangkala kesempurnaan itu sukar dibentuk. Didikan yang disulami dengan pesanan menjadi landasan utama dalam membentuk warisan. Secara tidak langsung pesanan dalam syair ini menjadi sempadan dan teladan kepada keluarga diraja khususnya dan rakyat Negara Brunei Darussalam amnya.

## PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan hasil penyelidikan semasa menjalani latihan industri di Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Jutaan terima kasih kepada Pihak Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam dalam membantu menyiapkan kajian ini.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadijah Haji Hassan (peny.), 2009. *Perambahan Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Kasim Hj. Omar, 2009. *Pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.



- Awang Haji Abdul Latif.1998. *Melayu Brunei Abad Ke-21*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadijah Haji Hassan (peny.), 2013. *Perambahan Brunei*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Kasim Hj Omar, 2009. *Pemikiran Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei*, 2007. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda Omar 'Ali Saifudien, 2014. *Syair Nasihat*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazwan Karim. “Badangan Sanak” dlm. *The Brunei Times*, 6 Oktober 2012, hlm. B4.
- Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Penyusun, 2002. *Adat Istiadat Diraja Brunei*. Bandar Seri Begawan : Jabatan Adat Istiadat Negara.
- Yura Halim, 2006. *Adat Mengulum Bahasa*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Diperoleh (*received*): 21 September 2016

Diterima (*accepted*): 9 November 2016

**LAMPIRAN**

Wahai anakanda muda jauhari  
Hendakmu tuan fikirkan diri  
Jangan berbuat sebarang ugari  
Ilmu pengetahuan baik dicari (Ms 2)

Wahai anakanda emas tempawan  
Cahaya mata ayahandamu tuan  
Bersegera mencari ilmu pengetahuan  
Itulah senjata yang setiawan (Ms 2)

Wahai anakanda muda teruna  
Delapan bersaudara emas kencana  
Inilah huraian tajuk mengerna  
Untuk tuan mudahan berguna Ms 3

Wahai anakanda malai suntingan  
Carilah ilmu panjang rundingan  
Fikir sempurna ditinggal jangan  
Ambillah ia buat pedoman Ms 4

Wahai anakanda cahayanya ayah  
Kemudian senang dahulukan payah  
Jika berlawan harus tak kalah  
Tidak merasa penat dan lelah Ms 5

Wahai anakanda muda rupawan  
Gemala ayahanda emas tempawan  
Muda remaja lagi pahlawan  
Marilah fikir yang dermawan Ms 6

Wahai awangku muda yang sedar  
Jikanya intan hendak belajar  
Guru sebenarnya baik diunjar  
Baru mendapat ilmu yang lancar Ms 10

Wahai malaiku intan dikarang  
Carilah ilmu dari sekarang  
Tuntutlah ia ke tanah seberang  
Jangan sekali berhati goyang Ms 11

Wahai emasku malai suntingan  
Sedang bergalut malam siangan  
Ayahanda memandang sayang-sayangan  
Carilah ilmu fikir rundingan Ms 12

Wahai anaku muda sempurna  
Berbuat baiklah dimana-mana  
Jangan dipilih mulia hina  
Sehingga bangsa wijrang dan berma  
Ms 16

Wahai pakulun emas tempawan  
Dua perkara telah merawan  
Jadikan panduan muda rupawan  
Buat mengubat hati yang rawan Ms18

Wahai malaiku muda jauhari  
Setakat ini lah ayahanda berperai  
Tiada kuasa menjalankan jari  
Ilmu sejempit dipelajari Ms 19

Mudahan jadi pengantar kalam  
Jari dipalu timbul tenggelam  
Tamatlah syair wallahuaklam  
Buat bacaan permata nilam Ms 20

Dagang berdoa kepada Allah  
Memohon rahmat nikmat dilimpah  
Kepada semua muda yang petah  
Membuat kerja yang faedah Ms 30

Buat penyudah madah disusun  
Disertai pula sebuah pantun  
Untuk bacaan wahai ingsun  
Muda tempawan emas pakulun Ms 22